



Warga UTM menyertai **Karnival Rakan Alam Sekitar** bersama komuniti Gunung Ledang Resort dalam usaha menerapkan budaya hidup lestari dalam diri masyarakat.



Penerapan budaya hidup lestari dalam masyarakat perlukan kesungguhan

Pendidikan boleh bermula di rumah, selain kempen, motivasi secara konsisten



MOHD FADHIL MD DIN



SOFIAH HANIM ADNAN

Pembangunan lestari merangkumi tiga komponen penting iaitu ekonomi, sosial dan penjagaan alam sekitar. Pembangunan pesat yang telah dan sedang dilalui menerusi projek pembinaan infrastruktur awam dan perindustrian meletakkan alam sekitar berada pada zon ancaman.

Kerosakan pada alam sekitar menarik perhatian global ke arah pembangunan berkonsepkan kelestarian. Banyak negara menunjukkan komitmen ke arah pembangunan lestari di Sidang Kemuncak Bumi ataupun Perisidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED) di Rio de Janeiro, Brazil bermula pada 1992.

UNCED membawa kepada penghasilan beberapa dokumentasi peringkat antarabangsa seperti Deklarasi Rio, Agenda 21 dan konvensyen ke atas biodiversiti serta perubahan iklim. Sidang Kemuncak Johannesburg dilancarkan di Johannesburg pada 2002 bagi meneliti perkembangan yang berlaku sejak Sidang Kemuncak Dunia di Rio de Janeiro.

Sidang kemuncak Johannesburg disertai oleh 191 negara, agensi PBB

dan beberapa institusi antarabangsa. Malaysia antara negara sedang membangun di Asia terbabit dalam usaha ini dengan menyertai ASEAN dan pertubuhan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Pelepasan gas rumah hijau

Kerjasama ini seharusnya membawa kepada usaha pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar seiring dengan pembangunan semasa. Antaranya, aplikasi tenaga hijau bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

Kerajaan Malaysia mewujudkan Dasar Pembangunan Kebangsaan (NDP), Dasar Ekonomi Nasional (NEP) dan Dasar Wawasan Nasional (NVP) bagi mengawal dan memastikan aktiviti pembangunan tidak mengancam alam sekitar. Sebagai contoh, akibat peningkatan kesan rumah hijau, kerajaan sudah pun menguatkuasakan undang-undang terhadap kadar kandungan bahan kimia bagi petrol dan diesel.

Namun begitu, penguatkuasaannya belum dilaksanakan secara menyeluruh disebabkan beberapa faktor seperti tekanan ekonomi semasa yang mengurangkan kesedaran masyarakat Malaysia terhadap alam sekitar.

Secara klise, corak kehidupan masyarakat Malaysia yang masih belum terbiasa dengan amalan kelestarian seperti pengasingan sisa dan ketidakepatuhan amalan serta budaya yang dilaksanakan di pelbagai sektor penyampaian awam.

Usaha kerajaan ke arah pembangunan lestari wajar disokong sektor swasta, organisasi bukan kerajaan dan institusi penyelidikan di Malaysia. Pembangunan lestari akan dapat direalisasikan dengan berkonsepkan inisiatif strategi lautan biru antara organisasi dan masyarakat.

Pada peringkat dasar, terlalu banyak usaha dilakukan dalam mendidik masyarakat Malaysia mengenai pembangunan lestari seperti kempen bertemakan kelestarian dan



sambutan hari tertentu. Melalui kempen berkenaan pengetahuan mengenai kelestarian dari sudut definisi, kepentingan, langkah dan kesan positif ke atas alam sekitar disampaikan kepada masyarakat secara teori dan praktikal.

Contohnya, kempen mendidik dan menguatkuasakan sesuatu amalan adalah gimik terbaik dalam peringkat pelaksanaan seperti Hari Tanpa Pas Beg Plastik. Namun, persoalan yang utama adalah mengenai pencapaian usaha berkenaan dan perubahan radikal yang mungkin perlu dilakukan. Adakah sekadar pemahaman, kesedaran ataupun sudah menjadi rutin harian masyarakat Malaysia sehingga kini?

Kenderaan bermotor meningkat

Sebagai contohnya, penghasilan jumlah buangan dan penggunaan kenderaan bermotor di Malaysia meningkat dari masa ke masa antara faktor yang menunjukkan kelestarian belum menjadi nadi kepada masyarakat Malaysia. Atas apa jua alasan, kebanyakan pelaksanaan dasar hanya bermusim, bermatlamat jangka pendek serta tidak menyetujui fenomena luar biasa seperti mana acara hiburan.

Selain itu, pelaksanaan polisi yang terhad dan tidak menyeluruh menjurus kepada pelaksanaan terpilih. Jadi, pelaksanaan utama ialah untuk kita mengatasi masalah ini dengan benar-benar menitik beratkan dalam darah daging masyarakat Malaysia. Langkah menerapkan kelestarian



Pusat Kitar Semula UTM menggalakkan warga kampus mengamalkan konsep 3R selain pengasingan sisa organik dan bukan organik.



Lawatan ke UM dan SW Corp mengenai pengurusan sisa pepejal bersepadu yang dianjurkan oleh UTM Kampus Lestari.



Aktiviti ketika Kempen Lestari di Arked Lestari Kolej 9 bersama pelajar UTM.

“Pembangunan lestari dapat direalisasikan dengan berkonsepkan inisiatif strategi lautan biru antara organisasi dan masyarakat”

ke dalam nadi masyarakat melalui pendidikan dan kempen secara konsisten adalah satu proses yang panjang dan kompleks.

Pendidikan konsisten

Setiap manusia memerlukan perubahan dan gaya bertindak menerusi sistem latihan dan pendidikan. Justeru, pendidikan mengenai kelestarian dan alam sekitar perlu diberi secara konsisten.

Pelaksanaannya boleh dilakukan secara tidak formal bermula dari ibu bapa melalui budaya di rumah atau di tadika yang menampakkan keindahan alam sekitar serta peranan pendidik daripada semua sudut. Usaha ini perlu berterusan sehingga di peringkat institusi pendidikan tinggi dan di alam pekerjaan.

Selain terdedah kepada ilmu dan amalan kelestarian, budaya kelestarian dapat ditanam ke dalam sanubari diri seseorang. Maka, konsep kelestarian itu dapat dipupuk secara semula jadi dan membantu aplikasi dalam menyelesaikan isu global se-

cara luas dan efektif.

Di samping itu, konsep penambahbaikan secara berterusan boleh dilaksanakan menerusi pendekatan motivasi atau ceramah agama dalam memastikan negara menuju ke era pembangunan kelestarian.

Produk kurang impak negatif

Aktiviti industri dalam menghasilkan produk yang kurang berimpak negatif pada alam sekitar dan penyelidikan berkaitan produk lestari perlu diangkat sebagai wadah utama bagi menyeimbangkan teknologi, taraf ekonomi serta alam sekitar.

Penyediaan kemudahan awam secara lestari, tong sampah yang berkonsepkan 3R di zon perumahan ataupun kenderaan awam seperti bas yang berkhidmat secara percuma dalam menggalakkan pengurangan pelepasan gas-gas rumah hijau perlu diberi perhatian.

Dari sudut penyelidikan, kajian secara meluas perlu dilakukan dalam mencari sumber alternatif sebagai ganti kepada sumber asli yang tidak boleh diperbaharui bagi kepentingan generasi akan datang. Hasil kajian perlulah dikomersialkan dengan kerjasama pelbagai pihak.

Perlindungan alam sekitar adalah sesuatu yang baik dan dituntut secara fitrah dalam kehidupan manusia. Maka penggunaan medium agama dalam menekankan tentang kelestarian boleh dilaksanakan secara meluas kerana secara asasnya, agama menuntut umatnya melakukan semua perkara yang baik.

Medium berkenaan mempunyai potensi yang besar dalam memberi impak pada kesedaran manusia itu kerana secara fitrahnya, semua golongan manusia berpegang pada sesuatu agama itu.

Masyarakat memberikan komitmen penuh sekiranya golongan ini dipenuhi aspirasi memperbaiki kehidupan ekonomi seperti di bandar besar. Pembabit dalam aktiviti sosial sedikit terbatas disebabkan kekurangan pengetahuan dalam isu kelestarian.



Penulis

ialah Pengarah Pelestarian Kampus UTM manakala Sofiah Hanim Adnan ialah penyedid di UTM.

Pembangunan tanpa ambil peduli sumber air makan diri

Malaysia bakal hadapi masalah kekurangan air pada masa depan semalunya kawasan tadahan air yang ada tidak dilindungi daripada kegiatan pembalakan dan perubahan penggunaan tanah.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piarapakaran, berkata pertambahan penduduk serta kegiatan ekonomi memerlukan lebih banyak bekalan air. Bagaimanapun, realitinya sumber ini semakin berkurangan.

Apa yang diperlukan ialah melindungi kawasan tadahan air di samping memulihkan sumber air yang tercemar. Malangnya, ada pihak yang memusnahkan kawasan terbahit atas nama pembangunan.

“Sejak akhir-akhir ini, ada kawasan tadahan air yang diterokai untuk pembinaan lebuh raya. Sebenarnya pembinaan lebuh raya bukan mengurangkan kesesakan lalu lintas. Bagi sebuah negeri yang maju, tindakan meminta lebih banyak air mentah dari negeri lain dan menarik balik perlindungan ke atas kawasan tadahan air, akan memakan diri.

Lindungi kawasan tadahan air

“Semua negeri perlu melindungi lebih banyak kawasan sebagai tadahan air dan bukan mengurangkannya,” menurut Piarapakaran dalam blognya piara.com.my baru-baru ini.

Beliau turut memberi analogi untuk menggambarkan nasib malang sungai di Malaysia.

“Ambil dua gelas air. Dalam gelas pertama tambah sedudu garam setiap hari dan untuk gelas yang kedua, tambah sedudu garam setiap jam. Gelas pertama mewakili sungai kita berdekad lalu. Gelas kedua, keadaan sungai kita pada hari ini,” katanya.

Piarapakaran menyatakan, kawasan yang padat penduduk akan menyumbang kepada lebih banyak pencemaran sungai.

Justeru, lebih banyak kemudahan prarawatan diperlu bagi menjamin kualiti air sungai boleh diperelokkan.

Mengenai tema Hari Air Sedunia tahun ini ‘Air dan Pekerjaan’, beliau menekankan semua kegiatan ekonomi dalam apa cara pun bergantung kepada air.

“Jika kita gagal melindungi keperluan air, kesannya adalah buruk. Ini termasuk kehilangan pekerjaan,” kata Piarapakaran.

Untuk rekod, Hari Air Sedunia diraikan

setiap 22 Mac bagi menandakan kepentingan air kepada peradaban manusia serta alam semula jadi.

Beliau turut mengingatkan pembaca episod catuan air yang berlaku di Lembah Klang pada 2014 dan bagaimana ia menjejaskan kehidupan harian mereka yang terbahit. Banjir besar yang melanda Kelantan pada penghujung tahun yang sama juga menyebabkan kekurangan air terawat. Semua itu menunjukkan betapa pentingnya air ketika berlaku krisis, kata beliau.

Sementara itu, usaha negara lain untuk menyediakan air yang selamat menjadi semakin sukar akibat perubahan iklim.

Menurut Tabung Kecemasan Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), apabila air menjadi semakin berkurangan ketika kemarau, penduduk terpaksa menggunakan air permukaan yang tidak selamat.

Kedua ini menyebabkan peningkatan penyakit yang berpunca daripada air seperti taun dan cirit-birit. Suhu tinggi akibat perubahan iklim juga akan meningkatkan penyakit berkait dengan air seperti malaria, denggi dan kini zika. Peningkatan jumlah nyamuk serta kawasan nyamuk membiak.

“Paling terancam ialah hampir 160 juta kanak-kanak di bawah umur lima tahun yang tinggal di kawasan berisiko tinggi mengalami kemarau. Sekitar setengah bilion tinggal di kawasan yang mudah dilanda banjir. Kebanyakan mereka tinggal di negara Afrika berhampiran padang pasir Sahara dan di Asia,” menurut UNICEF dalam siaran berita rasminya sempena Hari Air Sedunia.

UNICEF lancar kempen instagram

UNICEF juga telah melancarkan kempen Instagram sedunia untuk meningkatkan kesedaran hubungan antara air, alam sekitar dan perubahan iklim.

Kempen ini bermula pada 22 Mac lalu sehingga pemeteraian Perjanjian Paris pada 22 April lalu. Dengan menggunakan hashtag #ClimateChain, Pengarah Eksekutif UNICEF Anthony Lake, Presiden Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Mogens Lykkeoft, Ketua Iklim PBB, Christiana Figueres, serta tokoh terkenal yang lain secara simbolik berpegangan tangan dalam rangkaian gambar bertujuan menggesa tindakan diambil bagi menangani perubahan iklim.

BERNAMA



Sungai perlu dipelihara dan dipulihara bagi memastikan sumber air mencukupi untuk menampung keperluan rakyat. [GAMBAR HIASAN]